



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) TAHUN 2024

Syarat umum bagi menyertai Konvensyen KIK USIM adalah seperti berikut;

- 1) Penyertaan adalah terbuka kepada kumpulan KIK di semua Pusat Tanggungjawab (PTj), USIM;
- 2) Dua (2) bidang kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Inovasi Sosial dan Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan;
- 3) Projek tersebut hendaklah belum pernah dipersembahkan di mana-mana Konvensyen KIK Universiti Awam (UA) pada tahun-tahun sebelumnya samada menggunakan format Horizon Baharu ataupun format MPC. Sekiranya terdapat projek yang sama telah dipertandingkan tetapi daripada PTj yang lain maka ianya adalah dibenarkan;
- 4) Pihak USIM akan mencalonkan dua (2) kumpulan KIK (masing-masing satu (1) kumpulan daripada kategori Inovasi Sosial dan Kategori Penyampaian Perkhidmatan) yang dipilih melalui Konvensyen KIK peringkat USIM untuk menyertai Konvensyen Peringkat UA.
- 5) Bilangan ahli bagi setiap kumpulan adalah sekurang-kurangnya dua (2) orang dan tidak melebihi sepuluh (10) orang termasuk ketua kumpulan. Penyelaras / Fasilitator tidak termasuk dalam kumpulan. Jika pelaksanaan projek kumpulan KIK secara hibrid, keanggotaan ahli hendaklah seimbang atau mempunyai bilangan yang munasabah.
- 6) Penyertaan menyertai Konvensyen KIK ini hendaklah dikemukakan oleh PTj kepada urus setia Konvensyen peringkat USIM dengan mengemukakan Borang Penyertaan;
- 7) Setiap penyertaan perlulah dikemukakan bersama dokumentasi projek yang lengkap dan wajib mendapat kelulusan Ketua Jabatan di mana proses penilaian di peringkat Jabatan telah dilaksanakan iaitu :
 - a) Borang pengesahan Ketua Jabatan;
 - b) Borang penyertaan; dan
 - c) Dokumen Projek.

- 8) Pihak urus setia berhak menolak penyertaan daripada mana-mana Kumpulan KIK yang tidak layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai Konvensyen oleh urus setia adalah muktamad;
- 9) Semua kumpulan perlu menyediakan empat (4) Laporan / Buku projek.
- 10) Dokumen projek perlu mematuhi format dokumentasi dan mempunyai ciri-ciri seperti berikut:
 - a) Ringkasan Eksekutif : mempunyai 300 hingga 500 patah perkataan atau tidak melebihi dua (2) muka surat;
 - b) Perincian Projek : mempunyai 3000 hingga 5000 patah perkataan atau 10 hingga 15 muka surat; dan
 - c) Menggunakan font jenis Arial, saiz 11 dan spacing multiple at 1.15.
- 11) Dokumen itu hendaklah dihantar kepada pihak urus setia secara hardcopy dan sesalinan softcopy sebelum atau pada garis masa yang ditetapkan;
- 12) Para juri adalah dipilih daripada agensi kerajaan iaitu pihak KPT, MoSTI, MAMPU, INTAN dan Wakil Kerajaan Tempatan;
- 13) Penggunaan komputer semasa persembahan kumpulan adalah diwajibkan;
- 14) Masa yang diperuntukkan kepada setiap persembahan projek kumpulan adalah dihadkan kepada 30 minit, iaitu 5 minit untuk persediaan, 20 minit untuk persembahan dan 5 minit untuk sesi soal jawab;
- 15) Pemenang akan diiktiraf sebagai Johan, Naib Johan dan Tempat ketiga;
- 16) Keputusan Jemaah Panel Penilai Konvensyen KIK USIM terhadap persembahan kumpulan adalah muktamad.

Pihak urus setia pertandingan boleh dihubungi melalui alamat seperti berikut:

URUS SETIA
PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Seksyen Latihan dan Pembangunan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Aras 2, Bangunan Canselori
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

No. Telefon : 06-798 8136/ 06-797 8611
No. Faksimili : 06-798 8130
E-mel : qidzam@usim.edu.my

Urus setia
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) USIM
Tahun 2024